

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 2 JULAI 2024  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 4

## Kenaikan kadar inflasi 1.7 peratus bersifat sederhana

### Kenaikan kadar inflasi 1.7 peratus bersifat sederhana

KUALA LUMPUR – Kementerian Ekonomi memaklumkan, kadar inflasi negara mencatatkan peningkatan kepada 1.7 peratus bagi suku pertama tahun ini.

Bagaimanapun kata Timbalan Menteri Ekonomi, Datuk Hanifah Hajar Taib, peningkatan tersebut bersifat sederhana kerana pada suku keempat tahun lalu inflasi negara adalah pada paras 1.6 peratus.

Ujar beliau, dengan kadar in-

flasi di bawah paras dua peratus bagi kedua-dua suku berkenaan, ia menunjukkan bahawa peningkatan kadar harga barang dan perkhidmatan adalah sederhana.

"Secara amnya, kadar inflasi di paras dua hingga tiga peratus dapat menjamin keseimbangan terhadap ekonomi sesebuah negara," katanya di Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau berkata demikian ketika menjawab pertanyaan Da-

tuk Seri Hishammuddin Hussein (BN-Sembrong) yang mahu kerajaan menyatakan sejauh manakah kadar inflasi mencerminkan realiti ekonomi dan peningkatan kos sara hidup yang sedang dihadapi oleh majoriti rakyat dan pengguna di negara ini.

Mengulas lanjut, Hanifah Hajar berkata, kerajaan sentiasa berusaha bagi memastikan keperluan dan kesejahteraan rak-

yat Malaysia dapat dipenuhi.

Menurutnya, pelbagai program dan inisiatif telah dikenal pasti dan mula dilaksanakan terutamanya melibatkan program jangka panjang seperti meningkatkan bekalan dan jaminan makanan.

"Selain itu, kerajaan turut membangunkan Indikator Kos Sara Hidup oleh Jabatan Perangkaan Malaysia bagi mengukur tahap kos sara hidup rakyat hingga ke peringkat daerah.

"Ketiga, melaksanakan Kajian Penstabilan Harga di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup bertujuan untuk mengenal pasti isu semasa, di samping mengesyorkan tindakan susulan bagi menstabilkan harga barang di Wilayah Borneo.

"Kajian ini dijangka dibentangkan pada Ogos depan," katanya.